

Pemuda PPP sokong Kayveas kekal

jawatan

BH 7 OCT 2000

KUALA LUMPUR, Jumaat
- Pergerakan Pemuda Parti Progresif Rakyat (PPP) hari ini sebulat suara menyatakan sokongan kepada Presiden parti, Datuk M Kayveas, supaya meneruskan jawatannya dalam pemilihan parti Sabtu depan.

Ketua pergerakan itu, T Murugiah berkata Pemuda PPP akan terus memberi sokongan kepada Presiden walaupun timbul ura-ura jawatan berkenaan, buat pertama kalinya akan dicabar.

"Penamaan calon bagi jawatan Presiden, Naib Presiden dan Ahli Majlis Tertinggi akan dibuat esok. Namun, Pemuda sudah membuat keputusan untuk menyokong Datuk M kerana jasa dan sumbangan beliau selama ini," katanya pada sidang akhbar di ibu pejabat PPP, di sini.

Sebelum ini, M Kayveas pernah mencabar golongan yang mempertikai kedudukan beliau supaya menentanginya ketika pemilihan parti itu.

Pemilihan parti itu akan dibuat sempena Perhimpunan Agung PPP yang ke-47 dan dijangka dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Murugiah, pergerakan itu akan turut membentangkan tiga resolusi pada perhimpunan berkenaan.

Antara resolusinya termasuk mendesak kerajaan 'memenuhi janji' dalam memberi peluang kepada mana-mana ahli PPP menjawat kedudukan penting dalam kerajaan terutama bagi jawatan senator dan menteri.

Ketika merasmikan majlis rumah terbuka dan berbuka puasa PPP awal tahun ini, Perdana Menteri berkata, wakil PPP akan dilantik ke dalam kerajaan selepas dilantik sebagai ahli Dewan Negara.

Bagaimanapun, Dr Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata, setakat ini, tidak ada kekosongan untuk melantik senator kerana semua ahli sudah diwakili parti komponen.

Selain itu, Murugiah berkata, Pemuda juga akan meminta kerajaan mengambil tindakan tegas dalam membanteras masalah gangster di kalangan masyarakat India dan memberi penekanan kepada penggunaan bahasa Inggeris di sekolah.

Sehingga kini, ada 280,000 ahli PPP di seluruh negara (kecuali Sarawak).